

PERSEPSI MASYARAKAT IBAN TERHADAP TENUNAN PUA SUNGKIT DI BATANG AI

JACQUALINE ANAK KLINSING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEPSI MASYARAKAT IBAN TERHADAP TENUNAN PUA SUNGKIT IBAN DI
BATANG AI**

JACQUALINE ANAK KLINSING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada19.....(hari bulan).....05..... (bulan) 20.....21.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Jacqueline Anak Klinsing, M20151000049, FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Persepsi Masyarakat Iban Terhadap Tenunan Pua Sungkit Di Batang Ai

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

[Signature]

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM. DR. MOHD RASHID BIN MD IDRIS (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk persepsi Masyarakat Iban Terhadap Tenunan Pua Sungkit Di Batang Ai

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

14/4/2022

Tarikh

[Signature]
Tandatangan Penyelia
PM. DR. HJ. MOHD RASHID BIN MD IDRIS
Ketua Jabatan Bahasa Dan Keusahasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PERSEPSI MASYARAKAT IBAN TERHADAP
TENUNAN PUA SUNGKIT DI BATANG PAI

No. Matrik / Matric's No.: M20151000049

Saya / I / : JACQUALINE ANAK KLINSING
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut -

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Jacqualine
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 30/03/2022

DR. HJ. MOHD RASHID BIN MOHD IDRIS
(Tandatangan Ketua Jabatan Bahasa Dan Kejuruteraan Melayu & (Nama & Cop Rakan Bahasa Dan Komunikasi) Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjung Malim, Perak D.R.)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Chemaline Anak Usop kerana telah memberi tunjur ajar serta bimbingan sepanjang kajian dijalankan. Beliau turut memberikan sokongan dan kata-kata semangat untuk saya menyiapkan tesis ini. Pandangan dan tunjuk ajar beliau adalah sumber kejayaan terhasilnya tesis ini. Harapan saya supaya tesis ini menjadi satu lagi sumbangan dan faedah kepada bidang kesusteraan etnik Iban di Sarawak. Terima kasih yang tak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Klinsing Anak Manau dan Missie Anak Ugil serta ahli keluarga saya yang lain iaitu Siti Manau, Gilbert Philip Layang, Serena, Angelina, Malvina, Andre, Frank Lani dan Beatrice Nasa. Dorongan, kata-kata semangat dan tunjuk ajar mereka adalah titik tolak kepada kejayaan penghasilan tesis ini. Sokongan dari sudut kewangan, masa dan tenaga merupakan faktor utama dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu Elizabeth Janie, Jenny dan Siah dalam memberi tunjur ajar dan panduan dalam menghasilkan tesis ini. Berkat kerjasama dan kata-kata semangat memberikan hasil yang diharapkan dalam kajian ini. Terima kasih saya ucapkan kepada kalian. Tesis ini didekasikan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih juga diucapkan kepada para responden yang menjayakan kajian ini. Jasa baik dan pertolongan dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris amat saya hargai.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi masyarakat Iban terhadap tenunan *pua sungkit* di Batang Ai. Tiga objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti *pua sungkit* di kawasan Batang Ai, meneliti fungsi *pua sungkit* dalam kehidupan masyarakat Iban dan melihat perubahan dalam pembuatan *pua sungkit* yang melibatkan sepuluh buah rumah panjang di Batang Ai, Lubok Antu. Untuk mencapai objektif berkenaan, pengkaji melaksanakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan dengan mengaplikasikan Teori Budaya (David Kaplan & Albert A. Manners) dan Teori Seni (Robert William). Jenis analisis data kualitatif telah dilakukan ke atas empat belas informan dan lima puluh responden menjelaskan hubungkait di antara penghasilan *pua sungkit* dengan budaya masyarakat Iban. Dapatan kajian menunjukkan masih ramai dalam kalangan masyarakat Iban yang muda kini beriktihar untuk belajar menenun. Kesimpulannya, warisan tenunan masih relevan dan terpelihara kerana fungsi-fungsi *pua sungkit* sebagai kelengkapan pakaian tradisional wanita yang unik, sebagai kain khas yang digunakan dalam upacara-upacara ritual keagamaan, sebagai hantaran perkahwinan dan sebagai alat hiasan di rumah. Implikasinya ialah timbul cadangan untuk mewujudkan tempat-tempat latihan untuk menenun, membuka satu laman sesawang untuk pemasaran *pua sungkit* tempatan, dan menjadikan seni tenunan *pua sungkit* sebagai satu subjek ERT (Ekonomi Rumah Tangga) di sekolah bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya tenunan.





THE PERCEPTIONS OF THE IBAN SOCIETY TOWARDS THE WEAVING OF PUA SUNGKIT IN BATANG AI

ABSTRACT

This research attempts to analyse the perceptions of the Iban society towards the weaving of *pua sungkit* in Batang Ai. Three objectives of this study are to identify *pua sungkit* in Batang Ai, to examine the functions of *pua sungkit* in Iban community, and to look at the changes and innovations in the weaving of *pua sungkit* which involves ten longhouses in Batang Ai, Lubok Antu. To achieve these objectives, library research and field works are carried out by applying both Culture Theory (David Kaplan & Albert A. Manners) and Art Theory (Robert William). The qualitative data analysis on fourteen informants and fifty respondents explains the relations between the weaving productions of *pua sungkit* and the culture of the Iban community. Findings shows that many of the Iban people who are very much interested in weaving and they are still good at the work of producing *pua sungkit*, and the younger generation of women are determined to learn the art of weaving. In conclusion, the heritage of weaving is still relevant and preserved due to the functions of *pua sungkit* as a unique Iban woman's traditional costume, as a special attire in religious ceremonies, as marriage dowries as well as decoration materials in the houses. The implication is that are suggestions among the Iban to open up weaving training centres in the community, creating websites for marketing of local produce of *pua sungkit*, and to make Weaving Art as an ERT (Economy and Home Science) subject in schools for the purpose of maintenance and preservation of this weaving heritage.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.1.1 Asal Usul Masyarakat Iban	3
1.1.2 Iban Batang Ai	5
1.1.3 Adat Masyarakat Iban	9
1.1.4 Cara Hidup Masyarakat Iban	12
1.1.5 Asal Usul <i>Pua</i>	17
1.2 Pernyataan Masalah	19
1.3 Objektif Kajian	20
1.4 Soalan Kajian	20
1.5 Kesignifikanan Kajian	20

1.6	Batasan Kajian	21
1.7	Definisi Operational	21
1.7.1	<i>Pua Sungkit</i>	22
1.7.2	<i>Pua</i>	23
1.7.3	<i>Pua Kumbu</i>	24
1.7.4	<i>Pua Sidan</i>	25
1.7.5	<i>Pua Pilih</i>	26
1.7.6	Kain Songket	26
1.7.7	Kain Batik	27
1.7.8	Kain Tekatan	27
1.7.9	Kain Dastar	28
1.7.10	Tenunan <i>Sungkit</i>	28
1.7.11	Menyungkit	29
1.7.12	Ikat	29
1.7.13	<i>Taya</i>	30
1.7.14	Pakan	30
1.7.15	Loseng	31
1.7.16	<i>Sirat</i>	31
1.7.17	<i>Ruai</i>	31

1.7.18 Gawai	32
1.7.19 <i>Miring</i>	32
1.7.20 <i>Ngayau</i>	33
1.7.21 <i>Petara</i>	33
1.7.22 <i>Manang</i>	34
1.7.23 <i>Lemambang</i>	34
1.7.24 <i>Piring</i>	35
1.8 Rumusan	36

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	37
2.1 Sorotan Literatur Berkaitan	38
2.1.1 Literatur Berkaitan Tempatan	40
2.1.1.1 Tenunan <i>Pua</i> Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak	42
2.1.1.2 Kain Songket Malaysia	50
2.1.1.3 Kain Batik Malaysia	51
2.1.1.4 Kain Tekatan Malaysia	52
2.1.1.5 Kain Dastar Sabah	53
2.1.2 Literatur Berkaitan Luar Negara	53

2.1.2.1	Tenunan <i>Pua</i> Di Kalimantan Barat, Indonesia	54
2.1.2.2	Kain Songket Sarawak	61
2.1.2.3	Kain Songket Di Kalimantan Barat, Indonesia	61
2.1.2.4	Kain Batik Indonesia	62
2.1.2.5	<i>Pa Sin Matmee</i> Thailand	63
2.2	Sorotan Literatur Kajian	63
2.2.1	Tinjauan Kajian Tempatan	64
2.2.2	Tinjauan Kajian Luar Negara	66
2.3	Rumusan	67

3.0	Pengenalan	68
3.1	Reka Bentuk Kajian	69
3.2	Kerangka Kajian	75
3.3	Kaedah Kajian	78
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	78
3.3.2	Kaedah Lapangan	79
3.4	Instrumen Kajian	80
3.5	Teori Kajian	87
3.6	Populasi Dan Persampelan	94

3.7 Pengumpulan Dan Penganalisan Data 96

3.8 Rumusan 99

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan 100

4.1 Dapatan Kajian 101

4.1.1 Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik 101

4.1.1.1 Mengenal Pasti Pua Sungkit Asal Di
Kawasan Batang Ai 103

4.1.1.2 Fungsi Pua Sungkit Dalam
Kehidupan Masyarakat Iban 104

4.1.1.3 Melihat Perbezaan Tenunan Sungkit
Masa Kini Dari Segi Warna, Corak
Dan Fungsi 106

4.1.1.4 Perkara Yang Berkaitan 113

4.1.2 Dapatan Kajian Melalui Temu Bual 116

4.1.2.1 Latar Belakang Tenunan Sungkit 118

4.1.2.2 Penti Pemali Dan Adat 127

4.1.2.3 Fungsi Atau Kegunaan 133

4.1.2.4 Perkara Yang Berkaitan 134

4.2 Rumusan 136

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	138
5.1	Perbincangan Kajian	139
5.1.1	Koleksi Pua Sungkit Asal	139
5.1.2	Fungsi Pua Sungkit Dalam Kehidupan Masyarakat Iban di Batang Ai	142
5.1.3	Perubahan Dalam Penghasilan Pua Sungkit Asal Dan Baru	145
5.2	Rumusan	147
5.3	Cadangan	151
5.4	Kesimpulan	154

RUJUKAN	156
----------------	-----

LAMPIRAN	158
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.1	Tiga gelaran utama kaum wanita Iban	15
3.1	Senarai rumah panjang dan anggaran bilangan responden dan informan	96



SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
3.1. Konsep kajian kes tentang <i>pua sungkit</i> Iban Batang Ai	74
3.2. Kerangka kajian tentang <i>pua sungkit</i> Iban Batang Ai	75
3.3. Teori yang berkaitan dengan budaya masyarakat Iban	88
3.4. Proses pengumpulan dan penganalisisan data	97
4.1. Purata Umur Responden Dan Informan	102
4.2. Mengenal Pasti <i>Pua Sungkit</i> Asal	103
4.3. Fungsi <i>Pua Sungkit</i>	106
4.4. Perbezaan Tenunan <i>Sungkit</i>	106
4.5. Perkara Yang Berkaitan	116
4.6. Tempoh Informan Berkecimpung Dalam Bidang Tenunan	118
4.7. Asal Usul <i>Pua Sungkit</i>	119
4.8. Tempoh Penyiapan Tenunan <i>Sungkit</i>	124
4.9. Jenis-Jenis Tenunan <i>Sungkit</i>	127
4.10. Antara Adat Pemulangan Tenunan	128
4.11. Pantang Larang dan Adat Yang Dikenakan	133
4.12. Fungsi dan Kegunaan Pua Sungkit	134
4.13. Andaian Informan	135
4.14. Harapan Informan	136
5.1. Fungsi Pua Sungkit	143
5.2. Faktor yang mempengaruhi pengekalan warisan	148
5.3. Cadangan yang diutarakan	151

SENARAI LAMPIRAN

	Muka Surat
Contoh rumah panjang asal dan baru	158
Gambar menunjukkan pahlawan Iban dengan koleksi kepala musuh ('ngayau')	158
Gambar semasa 'Gawai Kenyalang' berlangsung	159
Gambar semasa 'Gawai Antu' dijalankan	159
Gambar semasa ' <i>melah pinang</i> ' (perkahwinan) berlangsung	160
'Pantang' (tattoo)	160
Gambar seorang wanita Iban membuat tenunan ('betenun')	161
Gambar seorang wanita Iban sedang mengayam tikar ('beranyam')	161
Gambar semasa perlawanan laga ayam berlangsung ('nyabung')	162
Gambar menunjukkan seorang lelaki Iban menyumpit ('nyumpit')	162
Gambar menunjukkan dua jenis ' <i>Pua Sungkit</i> '	163
Gambar ' <i>Pua Kumbu</i> '	163
Gambar ' <i>kain Sidan</i> '	164
Gambar ' <i>Pua Pilih</i> '	164
Contoh Kain Songket	165
Gambar semasa upacara ' <i>miring</i> ' dilakukan	165
Contoh Kain Songket	166
Contoh kain Batik	166
Contoh Kain Tekatan	167
Contoh Kain Dastar Sabah	167
Contoh kain Pa Sin Matmee Thailand	168
'Empaup'	168
'Rakup'	168

'Tendai'	169
'Belia'	169
'Ripang'	169
'Lidi'	169
'Tuil'	170
'Kena ngambi lubang karap'	170
'Sulat' Dan Benang	170
'Tachu' dan benang	171
'Bantang'	171
Contoh hiasan di dinding	172
'Remaung ngigit iko bebelit di ati bulan'	173
'Pun ranyai besembah bebuah ke tuah leman utai'	174
'Pua kumang'	175
'Pua kumang keling nurun ngabang'	176
'Pua Keling'	177
'Pua bujang Malaya'	178
'Pala Paso'	179
'Naga Ngigit'	180
'Nabau Ngiring Anak'	181
'Kara runtuh tepan bala puan feb 1971'	182
'Dara Mimit Niki Ke Langit'	183
'Bujang Mambang Bejalai Niki Bukit'	184
'Bujang Lembau'	185
'Buah Rumah'	186
'Buah rimau padang penukang lawang mua kedai'	187
'Buah Rabing'	188
'Buah Polis'	189
'Buah nabau ngerarau nangga langit'	190

'Buah Menik'	191
'Buah leku antu ngasu nyawa nyeru semalam malam'	192
'Buah Juyong'	193
'Buah Indai Guro'	194
'Antu Emba'	195
'Anak Nyabak Minta Mak	196
Contoh 'Pua Sungkit' 1	197
Contoh 'Pua Sungkit' 2	198
Contoh 'Pua Sungkit' 3	199
Contoh 'Pua Sungkit' 4	200
Contoh 'Pua Sungkit' 5	201
Contoh 'Pua Sungkit' 6	202
Contoh 'Pua Sungkit' 7	203
Contoh 'Pua Sungkit' 8	204
Contoh 'Pua Sungkit' 9	205
Contoh 'Pua Sungkit' 10	206
Contoh 'Pua Sungkit' 11	207
Contoh 'Pua Sungkit' 12	208
Contoh 'Pua Sungkit' Moden 1	209
Contoh 'Pua Sungkit' Moden 2	210
Contoh 'Pua Sungkit' Asal 1	211
Contoh 'Pua Sungkit' Asal 2	212
Contoh 'Pua Sungkit' Asal 3	213
Contoh 'Pua Sungkit' Asal 4	214
'Kain Pating Suar Ranjing'	215
Contoh 'Kain Sungkit' 1	215
Contoh 'Kain sungkit' 2	216
Contoh 'Kain Sungkit' 3	216



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

Contoh 'Baju Sungkit' 1

217

Contoh 'Baju Sungkit' 2

218



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Masyarakat Iban terkenal dengan kreativiti dan kesenian yang tinggi dalam menghasilkan produk tradisional seperti tenunan dan anyaman. Anyaman terbahagi kepada beberapa jenis iaitu '*anyam buah*' (jenis-jenis anyaman *kelarai* yang bermotifkan tumbuhan, haiwan, nama manusia dan abstrak), '*anyam rintai*' (satu corak besar anyaman *kelarai* yang dibuat lebih dari satu kali mengikut lebar tikar tersebut) dan '*anyam biasa*' (jenis-jenis anyaman satu, anyaman dua atau anyaman tunggal). *Kelarai* bermaksud sejenis corak anyaman dan tenunan atau sulaman (suji) yang berbentuk damdam. Tenunan '*pua*' terbahagi kepada empat bahagian iaitu '*pua sidan*' ('*pua karap*'), '*pua ikat*', '*pua pilih*' dan '*pua sungkit*' (sulaman). Setiap tenunan ini dibuat menjadi '*pua*' (selimut), '*kelambi*' (baju) dan kain.

'*Pua kumbu*' adalah hasil tangan kaum Iban khususnya kaum wanita yang semakin mendapat tempat di kalangan penduduk tempatan dan antarabangsa kerana proses pembuatan yang mudah dan cepat. Ia mempunyai corak dan warna yang menarik serta sesuai digunakan untuk majlis rasmi. Ia telah dikomersilkan





menjadi fesyen pakaian lelaki dan wanita. Sementara itu '*pua pilih*' dan '*pua sungkit*' semakin dilupakan kerana proses pembuatan dan cara tenunan yang agak rumit dan mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Walau bagaimana pun, hasil daripada tenunan tersebut lebih menarik dan cantik kerana kepelbagaian benang dan motif yang digunakan. Produk ini jarang dipasarkan kerana harganya belipat kali ganda lebih mahal dari '*pua kumbu*' dan kengganannya untuk menjual kain tersebut berikutan tempoh masa yang digunakan untuk menyiapkan satu produk.

Kebiasaannya '*pua sungkit*' ini hanya sebagai warisan untuk keluarga tersebut sahaja. Dari masa ke semasa tenunan ini semakin dilupakan dan jarang dihasilkan, dan terdapat beberapa kawasan rumah panjang sahaja yang masih mempraktikkannya di seluruh sarawak. Kawasan Lubok Antu masih mengekalkan tradisi ini namun tidak semua rumah panjang di sekitar kawasan ini masih mengekalkan tradisi ini. Satu-satunya tempat yang masih aktif dalam penghasilan '*tenun sungkit*' ini adalah di sekitar rumah panjang di kawasan Batang Ai.

1.1 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini menerangkan dari mana asal usul masyarakat Iban di Sarawak. Ia menerangkan secara lebih lanjut tentang masyarakat Iban di Batang Ai, iaitu satu kawasan asal perpindahan masyarakat Iban dari Batang Kapuas ke Sarawak, kerana tumpuan kajian ini berpusat di Batang Ai, Lubok Antu. Kajian ini turut membincangkan adat-adat asal masyarakat Iban dan cara hidup mereka. Topik utama kajian ini berkaitan dengan asal usul '*pua*' dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat Iban.





1.1.1 Asal Usul Masyarakat Iban

Menurut Edric Ong dalam bukunya yang bertajuk *Pua Iban Weavings Of Sarawak* (1996, hlm. 7) berdasarkan lagenda dahulu kala, masyarakat Iban dikatakan telah berpindah dalam pertengahan abad ke 16 dari Borneo Selatan ke satu kawasan yang disebut sebagai negeri Sarawak pada masa sekarang. Masyarakat Iban dikatakan berasal dari Batang Kapuas, Kalimantan Barat dan berpecah ke kawasan Batang Ai, Lubok Antu, Sarawak melalui kawasan Kumpang, Engkilili dan terpisah di antara sempadan Malaysia dan Indonesia. Perpindahan tersebut tersebar sehingga serata negeri Sarawak, Sabah dan Brunei Darussalam kerana masyarakat Iban dahulu kala mencari tempat baru untuk bercucuk tanam, memburu binatang dan menangkap ikan. Sehingga kini masih terdapat masyarakat Iban yang tinggal di sekitar kawasan Batang Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia.



Zaman dahulu kala masyarakat Iban lebih dikenali sebagai bangsa '*Dayak*', tetapi pada pertengahan abad ke 20an perkataan Iban mula digunakan di daerah Saribas bagi menggantikan perkataan '*Dayak*' tersebut. Bahasa Iban bukan sahaja digunapakai di Sarawak tetapi di Kalimantan Barat seperti di kawasan Kantu, Seberuang, Bugau, Mualang dan Desa. Masyarakat di bahagian Kantu dan Mualang, dikatakan turut menghasilkan tenunan yang lebih kurang sama motifnya dengan masyarakat Iban di Sarawak. Persamaan yang terjalin tidak menghalang masyarakat Iban dari memburu kepala kaum Kantu kerana permusuhan yang terbina sekian lama untuk menguasai sempadan Sarawak dan Kalimantan.

Pada masa kedatangan Rajah James Brooke pada tahun 1839, berlaku rombakan besar pada masyarakat Iban kerana mereka tidak bersetuju dengan pemerintahan James Brooke pada masa tersebut. Ini menyebabkan banyak





pertumpahan darah yang berlaku antara askar James Brooke dengan masyarakat Sarawak terutamanya masyarakat Iban. Dalam tempoh pemerintahan lebih satu abad, James Brooke telah mengenakan pemeriksaan yang ketat dan kawalan secara rapi bagi memastikan kemasukan masyarakat Iban tidak berleluasa. Keadaan ini memaksa perpindahan semula masyarakat Iban ke Batang Kapuas, Kalimantan Barat. Sekarang populasi masyarakat Iban adalah dua per tiga daripada jumlah populasi penduduk dan boleh didapati hampir di setiap daerah di serata negeri Sarawak.

Zaman dahulu kala, kebanyakan penempatan masyarakat Iban adalah di tebingan sungai. Masyarakat Iban bergantung kepada sumber air sungai kerana ia tempat untuk mendapatkan bekalan air, mandi, membasuh pakaian dan sebagainya. Selain faktor mencari sumber makanan, sungai menjadi salah satu faktor pengangkutan kerana tiada jalan raya pada masa tersebut. Bagi masyarakat Iban yang masih tinggal di pedalaman, mereka masih mendirikan rumah di tebingan sungai. Mengikut peredaran masa, rumah-rumah panjang yang baru sekarang banyak dibuat berdekatan jalan raya. Masyarakat Iban sekarang turut mementingkan pendidikan dan mempunyai kerjaya masing-masing. Majoriti penduduk Sarawak adalah masyarakat Iban, diikuti suku kaum Dayak yang lain dan selebihnya bangsa Melayu, Cina dan India.

Masyarakat Iban tinggal di rumah panjang yang terdiri daripada adik beradik dan sanak saudara masing-masing. Rumah panjang terbahagi kepada beberapa ruang bilik. Setiap ruang bilik dihuni oleh sebuah keluarga. Rumah panjang dahulu diperbuat daripada kayu belian, manakala rumah panjang sekarang dibuat menggunakan konkrit. Hanya terdapat beberapa buah rumah panjang asal yang masih wujud di sekitar Sarawak kerana kebanyakannya sudah usang dan terlibat





dalam kebakaran. Rumah panjang lama terbahagi kepada tiga bahagian iaitu tingkat atas, tengah dan tingkat bawah. Tingkat bawah adalah ruangan kosong kerana rumah panjang dulu dibuat bergantung dari aras tanah seperti rumah Melayu. Tingkat tengah terbahagi kepada empat bahagian iaitu '*tanju*' (bahagian hadapan rumah panjang yang tidak berbumbung), '*ruai*' (ruang legar yang berbumbung dan berinding), bilik besar atau ruang tamu dan '*pelabuh*' (bahagian dapur). Tingkat atas adalah '*sadau*' (stor).

Rumah panjang moden boleh dikatakan seperti rumah teres kecuali ia masih mengekalkan konsep rumah panjang asal. Pada masa sekarang rumah panjang yang baru didirikan menggunakan konkrit sepenuhnya. Rekaan dan konsep di dalam rumah panjang tersebut telah dimodenkan sejajar dengan perubahan semasa. Tingkat atas adalah bilik tidur manakala tingkat bawah adalah ruang tamu dan dapur.


Berbeza dengan rumah teres, rumah panjang moden tidak mempunyai dinding pengantara sebuah rumah. Rumah panjang asal yang masih utuh pula hanya diubahsuai menjadi rumah panjang konkrit. Bahagian '*tanju*' ditutup supaya menjadi tempat letak kereta, manakala ruang kosong di atas '*tanju*' tersebut disambung menjadi '*sadau*'. Rumah panjang yang telah diubahsuai ini mempunyai tiga tingkat. Tingkat atas menjadi stor, tingkat tengah menjadi bilik tidur dan tingkat bawah adalah ruang tamu dan dapur, sila rujuk gambar 1 di lampiran 1.

1.1.2 Iban Batang Ai

Pada penempatan awal sekitar 300 tahun dahulu, Iban Batang Ai dikenali sebagai Iban Ulu Ai. Buku *Iban Pegai Rajah Brooke* (2009, hlm. 19) hasil tulisan Nalong Buda dan Johnny Chuat mengatakan bahawa Batang Ai dan Batang Lupar adalah nama



sebatang sungai. Masyarakat Iban yang tinggal di sekitar sungai Batang Lupar, iaitu dari Batang Lupar sampai ke pekan Engkilili sekarang dikenali sebagai Iban Batang Ai. Dari pekan Engkilili sehingga ke Sungai Katibas digelar Iban Ulu Ai. Iban Batang Ai pada masa tersebut dikatakan menjadi askar Rajah dalam menawan kawasan yang berkaitan. Permusuhan di antara Iban Ulu Ai dan Iban Batang Ai terjadi kerana Iban Batang Ai bersama askar Rajah melancarkan serangan terhadap Iban Ulu Ai.



Peta menunjukkan kedudukan Daerah Engkilili dan Lubok Antu

Menurut Nalong dan Johny (2009, hlm. 45), Sarawak pada masa itu dikuasai oleh Sultan Brunei, iaitu Raja Merum (Al- Marhum). Pada tahun 1841, Sarawak dikuasai oleh Rajah Brooke sehingga tahun 1946. Di sepanjang zaman pemerintahan Rajah Brooke ini, mereka telah menguasai Sarawak selama seratus lima tahun melalui tiga tampuk kepimpinan. Rajah Brooke yang pertama iaitu James Brooke memerintah negeri Sarawak dari tahun 1841 sehingga tahun 1868, kedua adalah Charles Brooke dari tahun 1868 sehingga 1917 dan yang ketiga iaitu Charles Vyner Brooke yang memerintah Sarawak dari tahun 1917 sehingga tahun 1946, (Nalong dan Johnny, 2009, hlm. xv).



Pada tahun 1870, Rajah dan tenteranya telah menyerang Iban Ulu Ai kerana dikatakan mendatangkan masalah dengan membuat serbuan terhadap musuh mereka di sempadan kawasan wilayah Belanda. Serangan itu tidak dapat mengatasi masalah yang melanda kerana Iban Ulu Ai masih membuat kacau di kawasan tersebut. Pada Julai 1871, Rajah telah melancarkan serangan kali ke tiga terhadap Iban Ulu Ai melalui serang hendap dan menangkap ketua mereka iaitu Unjup. Selepas serangan tersebut, kebanyakan Iban Ulu Ai berpindah ke kawasan sekitar sungai Katibas. Pada tahun 1874, mereka telah melancarkan serangan terhadap Tamans dan Melayu Bunut yang tinggal di Kapuas. Pada tahun berikutnya, serangan telah dilakukan terhadap Dayak Lemanak oleh Dayak Katibas dan Dayak Kapuas. Lemanak terletak di bahagian atas Batang Lupar. Kejadian tersebut telah menyebabkan Iban Ulu Ai menakluk kawasan tersebut.



Pada bulan Oktober 1875, Rajah telah mengerahkan tenteranya untuk menyerang Iban Batang Lupar tetapi tidak mendatangkan kesan kepada mereka. Serangan susulan telah dilakukan dua bulan berikutnya. Pada bulan Februari 1876, sebanyak dua ribu tentera dikerah untuk menawan Iban Batang Lupar. Penghujung tahun 1876, Residen Borneo Barat telah memusnahkan perkampungan mereka dan membunuh kaum lelaki dengan jumlah yang banyak. Usaha tersebut telah membuahkan hasil dan berjaya dilaksanakan dengan kekejaman. Kekalahan tersebut telah menyebabkan Iban Batang Lupar dan Iban Katibas menyerah kalah. Mereka dipaksa untuk meninggalkan kawasan sungai Katibas dan berpindah ke Batang Ai.

Rajah Brooke dan sepupunya Charles Johnson telah mewujudkan jawatan politik di kalangan masyarakat Iban seperti Tuai Rumah (Ketua Kampung),





Penghulu, Temenggong dan Pemancha bagi mengawal amalan memburu kepala dan memunggut cukai. Sistem ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban setempat.

Perpindahan dan penempatan masyarakat di seluruh Sarawak telah menyebabkan mereka terbahagi kepada beberapa bahagian. Majoriti orang Iban yang tinggal di bahagian Lundu dan Samarahan dipanggil Iban Sebuyau. Dikatakan orang Iban pertama yang berpindah ke Sarawak dan tinggal di daerah Serian digelar Iban Remun. Bagi masyarakat Iban yang asalnya daripada Sri Aman digelar Iban Balau. Kaum Iban yang datang daripada Betong, Saratok dan Sarikei dipanggil Iban Saribas. Masyarakat Iban yang berasal dari Kalimantan Barat dahulu kala dan kini menetap di Lubok antu disebut sebagai Iban Ulu Ai. Orang Iban di Undup dikenali sebagai Iban Undup tetapi bahasa mereka seperti gabungan percakapan Iban Ulu Ai dan Iban Balau. Majoriti orang Iban yang tinggal di kawasan Sibul (Katibas, Julau, Kanowit dan kawasan sekitarnya) hingga ke Miri (Bintulu, Niah dan kawasan yang berdekatan dengannya) digelar Iban Batang Rajang dan gaya bahasa serta percakapan mereka seperti Iban Ulu Ai.

Pada tahun 1980 sehingga 1981 kerajaan telah mencadangkan untuk membina satu empangan di Batang Ai. Ini menyebabkan perpindahan penduduk yang mendiami kawasan yang terlibat dalam lingkaran tapak empangan tersebut ke penempatan semula yang telah disediakan. Perpindahan tersebut menyebabkan 21 rumah panjang dipindahkan. Fasa pertama melibatkan perpindahan sebanyak 10 buah rumah panjang pada tahun 1982. Fasa kedua dilakukan pada tahun 1984 dan sebanyak 11 buah rumah panjang dipindahkan ke penempatan baru. Penempatan baru tersebut dinamakan sebagai Batang Ai Ring atau lebih dikenali sebagai Phase 1 dan Phase 2. Penempatan asal mereka sekarang telah ditenggelami oleh tasik dan





menjadi sebuah danau dan tenaga hidroelektrik dihasilkan melalui empangan Batang Ai tersebut. Empangan ini dikatakan menghasilkan 180mw kuasa elektrik.

1.1.3 Adat Masyarakat Iban

Masyarakat Iban mempunyai beberapa adat resam yang masih diamalkan sehingga hari ini. Contoh adat tersebut adalah '*belian*', '*ngayap*', '*ngayau*' dan '*ngulit*'. '*Belian*' adalah upacara ritual perubatan tradisional yang menggunakan perkhidmatan '*manang*' (bomoh). Upacara ini dijalankan apabila si pesakit mengalami sakit-sakit yang pelik dan sukar dilihat dengan mata kasar.

'*Ngayap*' adalah amalan orang bujang kaum Iban semasa mencari calon isteri di kampung sendiri atau kampung lain. Mereka akan pergi secara bersembunyi atau senyap-senyap di waktu malam tanpa pengetahuan orang lain. Jika perempuan tersebut berkenan dengan lelaki itu, dia boleh mengikuti lelaki tersebut balik ke rumahnya. Sama ada perempuan itu mengikut lelaki tersebut balik ke rumahnya atau tidak, mereka tetap akan dikahwinkan. Sekarang '*ngayap*' tidak lagi diamalkan.

'*Ngulit*' adalah tempoh berkabung selama tujuh hari atau lebih, semasa kematian ahli keluarga atau saudara mara di kampung tersebut. Sepanjang tempoh berkabung seluruh penghuni di kampung berkenaan dikehendaki mematuhi beberapa adat. Di dalam tempoh tersebut sebarang perayaan atau aktiviti tidak dibenarkan. Penghuni tidak digalakkan untuk membuat bising, bersuka ria atau membuat huru hara. Adat atau hukuman akan dikenakan terhadap sesiapa yang melanggar pantang larang tersebut. Di hadapan rumah panjang tersebut akan diletakkan tanda atau dikibarkan bendera bagi menghalang kemasukkan orang luar





ke dalam kampung tersebut. Orang luar dilarang masuk ke rumah panjang tersebut sehingga habis tempoh berkabung. Mereka turut dikenakan adat atau hukuman jika melanggar adat tersebut.

'*Ngayau*' ialah satu ekspedisi serang balas terhadap musuh untuk mempertahankan kawasan atau bagi tujuan membalas dendam, sila rujuk gambar 2 di lampiran 1. Terdapat dua jenis ekspidisi memburu kepala iaitu '*kayau anak*' (perbalahan yang melibatkan dua buah pihak dalam jumlah yang kecil) dan '*kayau indu*' (perselisihan faham yang melibatkan banyak pihak dengan jumlah yang banyak). Kepala musuh yang dibawa pulang hendaklah disambut dengan '*pua kumbu*' melalui upacara ritual yang tersendiri bagi membawa naik kepala tersebut ke dalam rumah panjang supaya tidak membawa sial kepada mereka. Sylvia Fraser-Lu dalam bukunya *Handwoven Textiles Of South-East Asia* (1988, hlm. 144) menjelaskan bahawa masyarakat Iban yang kebanyakannya tinggal di bahagian kedua dan ketiga, telah dicatat dalam buku sejarah dan digelar sebagai pemburu kepala dan lanun yang digeruni.

Walaupun sudah di zaman moden, masyarakat Iban masih mewarisi dan mengekalkan beberapa adat, permainan dan perayaan asal. Terdapat beberapa perayaan yang menitik beratkan adat semasa keramaian seperti '*Gawai Dayak*', '*Gawai kenyalang*', '*Gawai antu*' dan '*Gawai mangkung tiang*' yang masih dipraktikkan sehingga sekarang. Menurut Edric Ong (1996, hlm. 11) sebagai meraikan '*Petara Singalang Burong*', seorang '*manang*' (bomoh) perempuan memakai '*dongdang*' atau kain yang menutup seluruh tubuh kecuali bahagian muka dan melutut untuk menjalankan upacara ritual tersebut. '*Gawai Dayak*' adalah perayaan yang dijalankan bagi menandakan tamatnya musim menuai padi.



Perayaan ini diamalkan oleh majoriti kaum dayak di seluruh negeri Sarawak pada tanggal 1 haribulan Jun setiap tahun.

'*Gawai kenyalang*' adalah perayaan yang menggunakan prop seperti kayu ukiran yang berbentuk burung kenyalang yang diarak sepanjang rumah panjang, kemudian dihidangkan dengan '*piring*' iaitu persembahan kepada burung kenyalang tersebut, sila rujuk gambar 3 di lampiran 2. Perayaan ini jarang dijalankan sekarang kerana majoriti masyarakat Iban telah memeluk agama Kristian dan Islam, bukan mengamalkan animisme lagi.

'*Gawai mangkung tiang*' adalah perayaan meraikan rumah baru atau perpindahan dari '*tembawai*' ke rumah panjang yang baru. '*Tembawai*' adalah tapak rumah panjang asal yang telah usang. Perayaan ini hendaklah dijalankan semasa berpindah ke rumah baru tersebut bagi mendapat keberkatan dari '*Petara*' (dewa) dan menghindar nasib malang atau sial. Selepas perayaan ini, baharulah perayaan-perayaan lain boleh dijalankan.

'*Gawai antu*' merujuk kepada upacara ritual yang memberi makan kepada roh-roh nenek moyang dan ahli keluarga yang telah meninggal dunia, sila rujuk gambar 4 di lampiran 2. Edric Ong (1996, hlm. 9) menyatakan bahawa terdapat seorang '*manang*' (bomoh) akan menjalankan upacara ritual ini dan duduk di tengah '*ruai*' (ruang tengah tempat berhimpun) sebagai tempat untuk persembahan sajian dan '*baya*' (peralatan untuk orang yang mati seperti kain '*bidang*', lembing dan '*piring*') sebagai keselamatan dan membolehkannya kembali ke alam nyata. Zaman dahulu kala, perayaan ini hanya dijalankan sekali setiap satu generasi kerana kosnya yang cukup besar. Persediaan sahaja mengambil masa dua hingga tiga tahun. Perarakan secara besar-besaran oleh pemuda pemudi yang berpakaian tradisional



sepanjang rumah panjang tersebut diadakan pada waktu tengah malam bagi menyambut kedatangan '*Petara*' (dewa) mereka.

Zaman dahulu anak-anak gadis tidak bersekolah dan tinggal di rumah panjang sambil membuat aktiviti-aktiviti seperti betenun dan beranyam. Oleh sebab itu, apabila mereka sudah menginjak zaman remaja dan sudah datang haid, secara automatik mereka boleh mendirikan rumahtangga. '*Melah pinang*' adalah majlis perkahwinan dalam masyarakat Iban, sila rujuk gambar 5 di lampiran 3. Pengantin lelaki dan pengantin perempuan bersanding di rumah pengantin perempuan. Kedua-dua pengantin duduk di atas gong dan memakai pakaian tradisional. Aktiviti dimulakan dengan ucapan '*Tuai Rumah*' atau ketua masyarakat tentang adat berkahwin, diikuti oleh pemberian kepada kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan, kemudian baharulah juadah untuk para '*pengabang*' (tetamu) dihidangkan.



1.1.4 Cara Hidup Masyarakat Iban

Masyarakat Iban menjalani kehidupan seharian dengan bercucuk tanam, memelihara binatang, '*ngasu*' (memburu binatang), '*begat*' (mengumpul buah-buahan terutama durian secara berkumpulan), '*ngetan bubu*' (menangkap ikan menggunakan perangkap yang dibuat menggunakan rotan), '*bepantang*' (membuat tattoo), '*nubai*' (menangkap ikan dengan membubuh sejenis racun khas yang diperbuat daripada akar kayu), '*mansai*' (memerangkap ikan dengan bakul rotan), '*betenun*' (membuat tenunan) dan '*beranyam*' (menganyam tikar).





Mereka menanam padi sama ada di bukit atau pun sawah dan menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Dahulu aktiviti menanam padi bukit dijalankan dua kali setahun. Mereka menternak binatang seperti ayam, itik dan khinzir. Kaum lelaki selalunya '*ngasu*', '*ngetan bubu*' dan '*nubai*'. '*Ngasu*' adalah aktiviti memburu binatang, manakala '*ngetan bubu*' adalah proses memerangkap ikan dalam bubu yang dibuat dengan menggunakan rotan, dan '*nubai*' adalah aktiviti membunuh ikan sungai menggunakan sejenis racun khas yang diperbuat daripada akar kayu. '*Begat*' dilakukan semasa tiba musim durian atau buah-buahan. Orang kampung akan dibahagi kepada beberapa kumpulan dan mengumpul buah-buahan tersebut mengikut giliran yang telah ditetapkan. Sekarang terdapat segelintir masyarakat Iban membuat perniagaan menternak dan menjual ikan dalam sangkar.

'*Bepantang*' (mencecah tattoo) adalah tradisi kaum Iban yang masih lagi diamalkan sehingga sekarang. Mereka mengukir badan mengikut motif-motif tertentu. Zaman dahulu kala, '*pantang*' (tattoo) amat penting bagi status seseorang lelaki dan wanita. Lagi banyak '*pantang*' (tattoo) di tubuh mereka, lagi tinggi status mereka dalam kalangan masyarakat Iban. Lelaki yang bergelar seorang wira atau pahlawan dan banyak memenggal kepala musuh mempunyai banyak lagi '*pantang*' (tattoo) mengikut keberanian mereka. Selalunya '*pantang*' (tattoo) tersebut menutupi seluruh badan mereka dari kepala hingga ke kaki. Kaum wanita yang memiliki '*pantang*' (tattoo) ini memiliki kemahiran tersendiri seperti pandai '*ngajat*', '*bepantun*', betenun dan menganyam tikar. Dahulu mereka menggunakan pemegang kayu yang hujungnya diletak jarum, kemudian dicecah dakwat sebelum diacah ke badan yang membuat '*pantang*' (tattoo) tersebut. Zaman kini, mereka menggunakan mesin yang sedia ada dan lebih menjimatkan masa, sila rujuk gambar 6 di lampiran 3.





Aktiviti kaum perempuan adalah '*mansai*', menenun kain dan menganyam tikar jika ada masa terluang. '*Mansai*' dilakukan oleh kaum wanita secara berkumpulan dengan membuat kepungan menggunakan bakul rotan di sepanjang sungai bagi memerangkap ikan, udang, siput sedut dan ketam sungai. '*Betenun*' adalah proses menenun '*pua*' (selimut), '*kelambi*' (baju) dan '*kain sirat*' (pakaian lelaki), sila rujuk gambar 7 di lampiran 4. '*Beranyam*' adalah proses menganyam '*tikai*' (tikar) menggunakan buluh, sejenis tumbuhan yang dipanggil 'sengang' dan '*bemban*' dan yang terbaru menggunakan tali plastik (*strapping band*), sila rujuk gambar 8 di lampiran 4.

Berdasarkan artikel "Kategori Idu Iban Dulu Menya" dalam *Ngingit*, Philip Langie (2016, hlm. 122) ia menghuraikan tentang gelaran khas yang diberikan kepada kaum wanita Iban mengikut tahap atau peringkat dalam kemahiran mereka. Dalam kajian ini, kita akan menekankan kepada golongan wanita dewasa sahaja. Terdapat tiga gelaran utama yang diberikan kepada wanita dewasa iaitu berdasarkan tahap kemahiran mereka dalam melakukan semua perkara seperti bertenun, beranyam, membuat bakul, membuat kerja-kerja rumah dan yang berkaitan dengan segala kegiatan yang dilakukan oleh golongan wanita Iban tersebut. Oleh sebab kajian ini mengenai tenunan maka pengkaji akan menjelaskan tiga sahaja tahap atau gelaran yang berkaitan dengan tajuk kajian. Gelaran tersebut dihuraikan secara ringkas seperti jadual 1.1 berikut.



Jadual 1.1

Tiga Gelaran Utama Kaum Wanita Iban (Ngingit, Philip Langie (2016, hlm. 122))

Bil	Gelaran	Penerangan
1	'Indu Gar, Indu Takar' (Wanita Pakar, Wanita Pintar)	Darjat tertinggi dalam status wanita Iban. Memiliki kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam menghasilkan tenunan dan anyaman. Mempunyai kekebalan terhadap pantang larang yang dikenakan semasa upacara menenun dilakukan. Dipercayai mempunyai keberkatan daripada dewa dalam membuat ' <i>pua</i> ' yang tinggi nilai dan statusnya.
2	'Indu Puntan, Indu Tengkebang' (Wanita Pereka, Wanita Pencipta)	Darjat kedua tertinggi. Mempunyai kemahiran dalam menghasilkan motif baru tanpa berpandukan motif penenun lain. Mereka juga dipercayai telah mendapat mimpi dan keberkatan daripada dewa dalam menghasilkan sesuatu ' <i>pua</i> '. Mereka turut mempunyai kekebalan terhadap pantang larang yang dikenakan.
3	'Indu Sikat, Indu Kebat' (Wanita Sulaman, Wanita Tenunan)	Darjat ketiga tertinggi. Memiliki kemahiran dalam menghasilkan tenunan dan anyaman tetapi mereka tidak boleh menghasilkan ' <i>pua</i> ' yang berstatus tinggi kerana tidak mendapat panduan dari mimpi yang diberikan oleh dewa. Mereka tidak mempunyai kekebalan dalam pantang larang yang dikenakan.

Masyarakat Iban terkenal dengan kesenian berupa alat muzik dan permainan seperti '*betabuh*', '*ngajat*', '*bepantun*', '*nyabung*' dan '*nyumpit*'. '*Betabuh*' adalah aktiviti penghasilan muzik menggunakan alat muzik tradisional seperti '*tawak*', '*benda*', '*gerumong*' dan '*gendang*' yang dimainkan semasa acara '*ngajat*' berlangsung. '*Ngajat*' adalah tarian asal masyarakat Iban mengikut rentak musik



'betabuh'. 'Ngajat' terbahagi kepada beberapa jenis iaitu 'Ajat Indu', 'Ajat Pua Kumbu', 'Ajat Lesung', 'Ajat bebunuh', 'Ajat ngalu ke temuai', 'Ajat Kuta', 'Ajat Berayah', 'Ajat Semain' dan 'Ajat ngemai antu pala'.

'Bepantun' dalam konteks ini bukanlah seperti berpantun dalam masyarakat Melayu seperti pantun dua kerat, empat kerat dan lapan kerat. 'Bepantun' dalam masyarakat Iban seperti melafazkan sebuah puisi yang dinyanyikan dengan lenggok bahasa yang tersendiri tanpa alunan muzik. Kebolehan 'bepantun' ini bergantung kepada kemahiran seorang lelaki atau wanita mengalunkan lenggok suara dan maksud tersirat di dalam tiap bait pantun tersebut. Selalunya 'bepantun' ini digunakan semasa mereka begurau senda semasa sesuatu perayaan berlangsung. 'Bepantun' ini hanya untuk suka-suka dan tidak membawa erti tertentu tidak seperti 'leka Pengap' (sejenis mentera yang dinyanyikan sepanjang malam atau beberapa malam oleh orang yang mahir dalam upacara penyembuhan dan pemujaan), 'Pelandai' (lagu berkaitan cinta atau sebuah puisi), 'leka sabak' (lagu meratapi sebuah kematian) dan 'Timang Jalung' (sejenis nyanyian yang panjang bagi memuja roh si mati).

'Nyabung' adalah sejenis permainan berlaga ayam yang diamalkan oleh masyarakat Iban terutamanya kaum lelaki sejak dahulu kala, sila rujuk gambar 9 di lampiran 5. Selalunya berlaga ayam sabung ini dilakukan semasa sebuah pihak bertandang ke rumah panjang tersebut untuk menghadiri sesuatu keramaian. Mereka berlaga ayam sabung di sebuah gelanggang yang dibuat khas untuk acara tersebut semasa terdapat perayaan di sesebuah rumah panjang. Tradisi ini masih dikekalkan sehingga sekarang.



Dahulu, *'nyumpit'* adalah satu kaedah memburu binatang atau sebagai alatan untuk menyerang musuh. Anak panah beracun diletakkan dalam corong buluh dan ditiup dari jarak yang ditetapkan sehingga mengenai sasaran. Sekarang, aktiviti tersebut tidak lagi diamalkan tetapi dijadikan sebagai sebuah pertandingan atau permainan. Acara tersebut bukan sahaja menjadi aktiviti sukaneka tetapi sebagai mewarisi permainan asal supaya tidak lupus ditelan zaman, sila rujuk gambar 10 di lampiran 5.

1.1.6 Asal Usul '*Pua*'

Sylvia Fraser-Lu (1988, hlm. 145) mengatakan motif tekstil masyarakat Iban banyak dipengaruhi oleh budaya Dongson dan kesenian yang diwarisi daripada Chou yang datang dari negara China. Mengikut cerita dahulu kala, '*pua*' dikatakan berasal daripada rumah panjang '*Gelong Batu Nakong*' yang terletak di sepanjang tujuh tanjung dan tujuh teluk '*Sungai Gelong*'. '*Petara Jawai Ensengai Dayang Kumang*', sepupunya '*Lemak Lulong Bintang*' dan '*Endu Dara Kelinah*' (*Indai Abang*) mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penghasilan tenunan ini. Oleh kerana status dan kepakaran mereka dalam bidang tenunan ini, maka orang '*Panggau Libau*' menggelar rumah mereka sebagai '*Gelong Batu Benang*'. Kemahiran dan kepakaran mereka membuat tenunan ini telah menarik minat para '*Petara Panggau Libau*' untuk memperisterikan mereka contohnya '*Keling*' mengahwini '*Kumang*' dan '*Laja*' mengahwini '*Lulong*'.

Kemahiran tersebut telah diperturunkan kepada wanita Iban melalui mimpi atau '*pengaruh*'. '*Pengaruh*' adalah azimat yang mempunyai kuasa untuk membuat sesuatu yang luar biasa yang tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa. Hanya



terdapat beberapa orang sahaja yang terpilih dalam membuat tenunan ini kerana mereka ini telah mendapat restu dan ilham dalam membuat motif dan corak yang dibenarkan oleh '*Petara Gelong Batu Benang*'. Tenunan yang telah siap dan telah mendapat restu dikatakan akan membawa keberkatan dan kesenangan terhadap si penenun dan keluarganya. Kesilapan dalam motif dan corak yang dihasilkan boleh membawa melapetaka kepada si penenun dan keluarganya dan akan mendapat sial, sakit dan boleh mengakibatkan mereka kehilangan nyawa. Tenunan ini dikatakan diwarisi oleh seorang perempuan bernama '*Ragam*', iaitu ibu kepada '*Manang Jarai*'.

Benang amat sukar didapati pada masa dahulu, oleh itu mereka menggunakan sejenis tumbuhan yang disebut '*taya*' yang ditanam di ladang, huma atau di sekitar rumah panjang mereka. '*Taya*' tersebut diproses dan menjadi benang sebelum ditenun menjadi kain, baju dan '*sirat*'. Pua *Identiti Dan Budaya Masyarakat Iban* (2014, hlm. 82) yang ditulis oleh Noria Tugang menyatakan bahawa para pedagang dari Indo-China dan China ada membawa benang dan pewarna pada abad ke 16 Masehi dimana wanita Iban telah membeli benang dan pewarna tersebut lalu membuat '*pua*' dalam kuantiti yang banyak. '*Pua*' terbahagi kepada empat jenis iaitu '*Pua Kumbu*' atau nama lainnya '*Pua Kebat*', '*Pua Sungkit*', '*Pua Pilih*' atau dipanggil '*Pua Anyam*', dan '*Pua Sidan*' atau disebut '*Pua Karap*'. Setiap tenunan tersebut berbeza kerana ia mempunyai kaedah tertentu, motif yang berlainan, fungsi tertentu, jumlah benang yang digunakan, jenis motif dan warna '*pua*' tersebut.

Kemahiran dan kepakaran kaum wanita Iban dalam membuat '*pua*' dianggap sebagai satu lambang status tertinggi di kalangan mereka sehingga mereka disamakan dengan kaum lelaki yang pergi '*ngayau*'. Bezanya mereka berperang sesama sendiri dalam menghasilkan '*pua*' yang berkualiti tinggi. Perbandingan tersebut amat keterlaluan kerana risiko yang dihadapi oleh kaum lelaki Iban semasa





'ngayau' melibatkan keselamatan mereka, manakala peperangan yang dilalui oleh kaum wanita hanya melibatkan kemahiran mereka sahaja. Tetapi aspek tenunan ini amat dipandang tinggi oleh kaum wanita Iban terutama apabila mereka sudah berumah tangga. Kaum wanita Iban amat digalakkan untuk memiliki kemahiran bertenun ini. Setiap wanita Iban ini berdoa supaya mereka menjadi pakar dalam seni tenunan tersebut.

Terdapat empat sebab mengapa mereka mementingkan tenunan ini. Pertama, semasa ada kematian di kalangan ahli keluarga, maka kain tenun tersebut digunakan sebagai hamparan dinding seperti kain langsir. Kedua, ia digunakan sebagai alatan semasa terdapat perayaan atau sesuatu upacara dijalankan. Ketiga adalah sebagai hiasan di dalam rumah dan ke-empat sebagai hamparan untuk upacara menyambut kepala musuh selepas suaminya pulang dari 'ngayau'.



1.2 Penyataan Masalah

Kajian ini membincangkan tentang kewujudan '*pua sungkit*' asal di kawasan Batang Ai. Memandangkan zaman sekarang kaum wanita sudah mempunyai kerjaya dan berpindah ke bandar, maka yang tinggal di kampung menjadi suri rumah sepenuh masa dan petani. Oleh itu, pengkaji ingin memastikan sekiranya terdapat penduduk terutamanya kaum wanita yang masih membuat tenunan terutamanya '*pua sungkit*' asal. Selain '*pua sungkit*' asal, pengkaji ingin melihat tenunan '*sungkit*' yang lain seperti kain, baju atau sirat dengan menggunakan kaedah baru yang lebih moden. '*Pua sungkit*' amat jarang dihasilkan kerana prosesnya mengambil masa yang lama, oleh itu ia kurang mendapat perhatian ramai berbanding '*pua kumbu*'. '*Pua kumbu*' banyak digunakan dalam upacara ritual masyarakat Iban. Memandangkan '*pua*





sungkit' merupakan tenunan yang sama dengan '*Pua Kumbu*' cuma berlainan proses pembuatannya, maka pengkaji ingin mengenalpasti fungsi dan kegunaan '*pua sungkit*' ini dan persamaan serta perbezaannya dengan '*pua kumbu*' dalam masyarakat Iban.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk

1. Menenal pasti '*pua sungkit*' asal di kawasan Batang Ai
2. Meneliti fungsi '*pua sungkit*' dalam kehidupan masyarakat Iban
3. Menganalisis perubahan di dalam pembuatan tenunan '*pua sungkit*' pada masa sekarang



1.4 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut

1. Adakah masyarakat Iban menyimpan dan membuat '*pua sungkit*' di kawasan Batang Ai?
2. Apakah fungsi dan kegunaan '*pua sungkit*' dalam kehidupan masyarakat Iban?
3. Adakah terdapat perbezaan '*sungkit*' masa kini dari segi warna, corak dan fungsi?

1.5 Kesignifikanan Kajian

Kajian ini ingin melihat berapa ramai orang di Batang Ai terutamanya kaum wanita yang tahu dan mahir dalam membuat '*pua sungkit*' ini. Pada masa yang sama, kajian





ini ingin mengenalpasti pandangan dan pengetahuan orang luar tentang kewujudan '*pua sungkit*' tersebut. Seterusnya ingin mempromosikan '*pua sungkit*' dan tenunan '*sungkit*' yang lain kepada golongan muda. Ingin mengenalpasti sumbangannya terhadap masyarakat, sama ada ia dapat dikomersilkan ataupun tidak. Kajian ini diharap dapat menimbulkan minat dan kreativiti golongan muda dalam menghasilkan tenunan sungkit terutamanya '*pua sungkit*'. Selain mewarisi tradisi asal masyarakat Iban, aktiviti menenun ini boleh dijadikan sebagai aktiviti di masa lapang. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain membuat penyelidikan yang sama dan menjadi salah satu panduan atau bahan rujukan mereka di masa hadapan. Ia turut mengenalpasti sama ada terdapat latihan yang disediakan atau memungkinkan orang lain mempelajari cara membuat '*pua sungkit*' ini.



Populasi kajian dalam lingkungan sepuluh buah rumah panjang di sekitar kawasan Batang Ai, Lubok Antu, Sarawak. Rumah panjang yang terlibat adalah Rumah Klinsing Skarok, Rumah Gading Pan, Rumah Sunok Teliting, Rumah Johnson Kaong Ili, Rumah Mudin Kaong Ulu, Rumah Lantai Sungai Ara, Rumah Isau Mepi Pasir, Rumah Jamit Pudai, Rumah Jubang Sbangki Panjai dan Rumah Serdin Wong Panjai. Dalam konteks penyelidikan ini, seramai 50 orang responden dan 14 orang informan yang terlibat adalah mereka yang berpengetahuan dan bekemahiran dalam bidang tenunan '*pua sungkit*'.

1.7 Definisi Operasional



Kajian ini menggunakan berbagai istilah yang diambil dari kamus tetapi tidak secara literal. Istilah ini digunakan dalam konteks kajian. Istilah-istilah yang digunakan banyak berkaitan dengan upacara ritual dalam masyarakat Iban. Definisi operasional berikut memaparkan beberapa istilah yang banyak digunakan dalam kajian ini.

1.7.1 'Pua Sungkit'

Kamus Bahasa Iban – Bahasa Malaysia (1989, hlm. 337) memberi maksud '*sungkit*' adalah sulam atau sulaman seperti kain songket dan dibuat menggunakan benang emas atau perak. Sulam bermaksud jahitan pada kain sebagai corak atau bunga, suji (sejenis jahitan untuk membuat bunga pada kain) dan tekatan, atau sejenis jahitan yang selari dan rapat-rapat, *Kamus Dewan* (2010, hlm. 1537).

'*Pua sungkit*' adalah sejenis kain tenunan yang dibuat melalui kaedah

menyungkit menggunakan bulu landak atau '*sulat*' (tulang binatang yang dijadikan sebagai alat tenunan) dan pelbagai warna benang supaya ia kelihatan lebih menarik. Benang sepanjang 25sm disungkit pada benang loseng dan diikat menjadi simpulan motif atau corak '*pua*' tersebut. Pemilihan corak dan benang amat mempengaruhi kualiti dan kecantikan '*pua sungkit*' yang dihasilkan (Noria Tugang, 2014, hlm. 86).

Buku *Ties That Bind Iban Ikat Weaving* (2001, hlm. 34) yang dihasilkan oleh Datin Amar Margaret Linggi mengupas tentang proses pembuatan '*pua sungkit*' yang mana benang akan disungkit menggunakan '*sulat*', satu demi satu untuk menghasilkan sesuatu corak dan mengambil masa yang lama. Satu baris corak yang siap disungkit pada satu masa akan ditutup oleh benang asas dan proses tersebut dilakukan sehingga '*pua sungkit*' berjaya disiapkan.

Proses yang lama dan cara pembuatan yang agak rumit menyebabkan kaum wanita Iban jarang membuat '*pua sungkit*' ini. Heidi Munan dalam buku *Images Of Asia Sarawak Crafts Methods, Materials and Motifs* (1989, hlm. 66), mengatakan bahawa satu corak '*pua sungkit*' yang dibuat hanya berganjak beberapa sentimeter sahaja satu hari. Walaupun mempunyai kaedah menyungkit yang sama, pembuatan kain songket melayu lebih mudah dihasilkan kerana mereka mempunyai alat khas untuk menghasilkan kain tersebut. Penggunaan benang seperti sutera, benang emas dan perak turut membuatkan kain songket senang dihasilkan berbanding '*pua sungkit*' yang menggunakan pelbagai benang yang berwarna-warni.

Di Sarawak, tidak semua tempat masih mengamalkan pembuatan '*pua sungkit*' ini. Satu-satunya kawasan yang masih mengamalkan pembuatan '*pua sungkit*' ini adalah di Batang Ai, Lubok Antu. Buku *Iban Ritual Textiles* (2004, hlm. 291) oleh Traude Gavin mengatakan bahawa pembuatan '*pua sungkit*' masih diamalkan oleh golongan minoriti yang tinggal di kawasan Ulu Ai dan mereka menggunakan benang baru serta berwarna warni bagi menghasilkan corak yang lebih menonjol dan menarik, sila rujuk gambar 11 di lampiran 6.

1.7.2 'Pua'

Dewan Bahasa Dan Pustaka (1989, hlm. 254) menjelaskan '*pua*' bermaksud selimut atau selendang iaitu sejenis kain tenunan Iban. Kain tenunan Iban ini amat penting dalam kehidupan masyarakat Iban kerana ia digunakan dalam sesebuah upacara atau perayaan dan menjadi kegunaan harian mereka. Noria Tugang (2014, hlm. xi), menyatakan bahawa '*pua*' adalah objek penting dan mempunyai makna tersirat dalam sesebuah upacara dan kerap digunakan sebagai selimut.



'Pua' amat penting di dalam kehidupan seharian masyarakat Iban kerana setiap keluarga digalakkan untuk memilikinya. Traude Gavin (2004, hlm. 25) menyatakan bahawa sebuah keluarga yang tidak mempunyai 'pua' tersebut hendaklah meminjam daripada orang lain kerana ia amat penting dalam menjalankan sesebuah upacara ritual. Keluarga yang tidak mempunyai 'pua' dianggap sebagai terkeluar dari budaya dan masyarakat Iban.

1.7.3 'Pua Kumbu'

'Pua kebat' atau lebih dikenali sebagai 'pua kumbu' adalah 'pua' yang paling awal wujud dalam masyarakat Iban dan digunakan untuk kehidupan seharian mereka, sila rujuk gambar 12 di lampiran 6. Noria Tugang (2014, hlm. 83) menyatakan 'pua kumbu' ditenun oleh wanita Iban menggunakan benang 'taya' dan campuran pewarna-pewarna asli kemudian dijadikan selimut untuk menutup badan mereka ketika tidur.

Heidi Munan (1989, hlm. 66) menjelaskan 'pua kumbu' memerlukan kemahiran yang tinggi dan menjulang martabat kaum wanita Iban kerana hasil tangan mereka menentukan status mereka dalam komuniti. Golongan wanita Iban yang memiliki kemahiran yang tinggi dalam penghasilan tenunan ini disamakan dengan status kaum lelaki Iban yang menyertai ekspidisi ngayau. Persamaan ini dikatakan relevan kerana mereka mempertaruhkan nyawa dan badan mereka dalam menjalankan dua perkara tersebut.





Selain membuat 'pua', mereka turut menghasilkan kain yang dipakai oleh kaum wanita semasa upacara tertentu dijalankan. Traude Gavin (2004, hlm. 1) mengatakan bahawa kaum Iban turut menghasilkan kain wanita yang lebih kecil dan dipakai semasa sesuatu upacara dijalankan yang mana ia dibuat menggunakan kaedah ikat ('kebat').

Menurut buku *The Changing Face of Malaysian Crafts Identity, Industry, and Ingenuity* (2000, hlm. 54) oleh Barbara Leigh, dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak, mereka yakin terdapatnya hubungan rapat di antara 'pua' dan kepercayaan terhadap mimpi dan nasib mereka. Dari mimpi tersebut, ia membuahkan inspirasi dan ilham tentang motif dan corak, nama dan maksud 'pua' tersebut.

'Pua kumbu' banyak digunakan dalam sesuatu upacara ritual seperti menyambut kepala musuh, menjadi alas meletak 'piring', membalut bayi semasa upacara memandikan bayi, sebagai perhiasan selain dari kegunaan harian. Datin Amar Margaret Linggi (2001, hlm. 51) menghuraikan kegunaan pua dalam upacara seperti untuk memandikan bayi dan digunakan dalam upacara kematian. Bagi upacara 'miring', wanita Iban dikehendaki memakai 'kain kumbu' dan menjadikan 'pua kumbu' sebagai alas meletak piring tersebut ditafsir kepada alam rohani dan boleh didengar dan dilihat oleh Tuhan dan semangat lain. Ia juga digunakan sebagai alas untuk menyambut kepala musuh selepas aktiviti 'ngayau'.

1.7.4 'Pua Sidan'

Melalui buku *Pua Identiti Dan Budaya Masyarakat Iban* (2014, hlm. 91) yang ditulis oleh Noria Tugang, ia menjelaskan 'pua sidan' sebagai 'pua karap' yang dihasilkan





menggunakan kaedah '*karap buah*', iaitu kerja-kerja mengayam '*buah pua*' pada benang loseng berdasarkan motif atau corak terdahulu. '*Buah pua*' adalah motif atau corak '*pua*' tersebut. '*Pua sidan*' dibuat mengikut '*anyam buah*' yang dibuat atas tikar kecil, sila rujuk gambar 13 di lampiran 7.

1.7.5 '*Pua Pilih*'

Noria Tugang (2014, hlm. 89) menghuraikan proses pembuatan '*pua pilih*' atau '*pua anyam*' menggunakan kaedah '*pilih*' untuk membuat satu pakan (benang tenunan yang melintang) corak, ia memerlukan tiga pakan benang utama bergerak secara serentak untuk menghasilkan satu baris dan dilakukan secara berulang sehingga siap. '*Pua pilih*' berbeza daripada '*pua sungkit*' kerana motif yang kelihatan timbul, menonjol, tebal dan amat menarik, sila rujuk gambar 14 di lampiran 7.



1.7.6 Kain Songket

Songket adalah kain tenun yang bersulam dengan benang emas atau perak yang berkualiti, *Dewan Bahasa Dan Pustaka* (2010, hlm. 1515). Songket yang mahal diperbuat daripada benang sutera dan benang emas. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam bukunya yang bertajuk *A Malaysian Touch Textiles For The New Millenium An Inaugural Edition* (1999, hlm. 81) mengatakan bahawa kain songket terdapat di Semenanjung Malaysia, Borneo dan Indonesia tetapi berbeza daripada warna dan reka bentuk. Jika di Semenanjung Malaysia pembuatan kain songket ini banyak terdapat di negeri Kelantan dan Terengganu, tetapi di Sabah dan Sarawak terdapat di bahagian yang berdekatan dengan pesisiran pantai. Menurut Rafeah Buang dalam *Kain Tenun Pahang* (2008, hlm. 35), penerapan budaya Bugis





di Pahang sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat dalam menghasilkan Kain Sarung bagi lelaki dan kain Kajang Sangga (sejenis kain tenunan yang menggunakan benang sutera asli). Sila rujuk gambar 15 di lampiran 8.

1.7.7 Kain Batik

Batik adalah kain yang bercorak yang dilukis atau ditera dengan lilin dan dicelup (DBP, 2010, hlm. 135). Kain batik merupakan satu-satunya kain yang laris dipasaran kerana sifatnya yang selesa dan sesuai dipakai oleh setiap lapisan masyarakat. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1999, hlm. 25) menyatakan bahawa Kain batik pada asalnya adalah dari kepulauan Jawa, Indonesia. Pada tahun 1914, percubaan membuat kain batik pertama dijalankan di Kota Bharu, Kelantan. Pembuatan kain batik ini banyak terdapat di negeri Kelantan dan Terengganu. Terengganu dikenali sebagai pembuat kain sarung yang terbaik dan Kelantan dikenali sebagai pembuat seni ukiran batik yang terunggul.

1.7.8 Kain Tekatan

Tekatan adalah hasil menekat (membuat tekat, menyuji atau menyulam) yang ditekat, DBP (2010, hlm. 1629). Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1999, hlm. 55) menjelaskan bahawa seni hiasan dalam kain atau pakaian menggunakan benang dan '*spangles*' dipercayai datang daripada kebudayaan India dan Arabia. Malaysia adalah titik persinggahan bagi para pelayar dahulu kala, oleh itu sedikit sebanyak Malaysia mewarisi budaya daripada saudagar seluruh dunia. Salah satu





faktor yang mempengaruhi budaya orang Malaysia adalah hasil tangan atau kraftangan mereka.

1.7.9 Kain Dastar

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1999, hlm. 105) menyatakan bahawa seperti kain songket, kain dastar ini mengandungi lebih benang warna sebagai reka bentuknya. Kain dastar ini dipercayai datang dari Selatan Filipina bersama kaum Bajau tersebut sebelum tersebar ke perkampungan Merabau dalam daerah Kota Belud. Kain dastar ini dibuat menggunakan alatan tenunan seperti yang digunakan oleh kaum Iban di Sarawak, tetapi tenunan mereka lebih lebar dan menggunakan sikat yang dikenali sebagai '*surud*'.



'*Sungkit*' adalah sejenis sulaman seperti kain songket yang disulam dengan benang emas atau perak (DBP, 1989, hlm. 337). Tenunan pula membawa maksud cara menenun dan hasil daripada menenun atau barang-barang yang ditenun (DBP, 2010, hlm. 1659). Berdasarkan maksud-maksud tersebut, boleh digambarkan bahawa tenunan '*sungkit*' itu adalah jenis-jenis tenunan yang dihasilkan daripada kaedah menyungkit. Jenis-jenis tenunan '*sungkit*' adalah seperti '*pua sungkit*', '*kain sungkit*', '*baju sungkit*', '*selampai*' (sejenis selendang) dan '*sirat*'. Tenunan '*sungkit*' yang dihasilkan oleh segelintir masyarakat Iban di bahagian Sri Aman, Sarawak dianggap bermutu tinggi serta mempunyai corak yang berwarna-warni. Tenunan '*sungkit*' yang dihasilkan seakan-akan sebuah lukisan atau catan pelukis terkenal (Noria Tugang, 2014, hlm. 87).



1.7.11 Menyungkit

DBP (2010, hlm. 1544) mendefinisikan menyungkit sebagai mencungkil, mengungkit atau mengumpil sesuatu benda. Dalam Bahasa Iban menyungkit disebut sebagai '*nyungkit*'. '*Nyungkit*' pula bermaksud membuat tenunan '*sungkit*' ataupun kain songket (DBP, 1989, hlm. 337). Menyungkit adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam membuat tenunan. Melalui kaedah-kaedah ini benang-benang tambahan akan diselit dan dipintal serta melakukan tekatan bagi mencantikkan '*pua sungkit*' tersebut. Teknik menyungkit ini memerlukan kesabaran yang tinggi kerana ia memerlukan penelitian dan mengambil masa yang lama untuk disiapkan (Noria Tugang, 2014, hlm. 128).

1.7.12 Ikat

Ikat mempunyai banyak maksud sama ada dalam Bahasa Iban ataupun Bahasa Melayu. Dalam istilah Bahasa Melayu ikat bermaksud alat seperti tali, benang, kain dan lain-lain untuk mengebat, memberkas, membebat atau menggabungkan sesuatu (DBP, 2010, hlm. 562). Bahasa Iban pula menerangkan bahawa ikat membawa dua maksud iaitu satu ikatan atau berkas dan kedua adalah azimat yang dibuat oleh '*manang*' yang berupa benang berwarna yang diikat di pergelangan tangan pesakit (DBP, 1989, hlm. 109). Dalam konteks kajian ini, ikat memberi maksud kaedah mengikat benang seperti di dalam pembuatan '*pua kumbu*'. Bahagian-bahagian tertentu pada benang loseng akan diikat bagi menghasilkan motif-motif yang dikehendaki. Bagi menahan pewarna daripada meresapi bahagian-bahagian lain pua



berkenaan, maka benang kapas akan diikat pada beberapa bahagian mengikut corak yang diinginkan penenun (Noria Tugang, 2014, hlm. 124).

1.7.13 'Taya'

'Taya' adalah kapas yang diambil sama ada daripada pokok, buah dan seratnya (DBP, 1989:363). 'Taya' atau disebut sebagai benang, banyak digunakan dalam pembuatan tenunan Iban. Noria Tugang (2014, hlm. 119) menjelaskan bahawa benang 'taya' atau benang asli tersebut tahan lama dan berkualiti tinggi. Benang 'taya' tersebut akan diwarnakan mengikut kemahuan si penenun. Masyarakat Iban memproses pewarna asli daripada bunga, kulit kayu, daun, buah dan tumbuhan tertentu tanpa menggunakan campuran bahan kimia. Di antara warna-warna yang selalu digunakan oleh penenun adalah warna putih, coklat tua, merah tua dan hitam.



1.7.14 Pakan

Pakan adalah benang tenun yang melintang dan mempunyai arah yang berlawanan dari benang lungsin (DBP, 2010, hlm. 1117). Dalam pengertian Bahasa Iban, pakan adalah benang tenun yang melintang atau sejenis kulit kayu yang diproses untuk menjadi pakan dalam anyaman tikar rotan dan sebagainya (DBP, 1989, hlm. 227). Benang pakan akan merentasi benang loseng dan ia akan menentukan lebar ela sesuatu kain yang dihasilkan. Proses menenun akan bermula apabila benang pakan dilancarkan dari kiri ke kanan merentasi benang loseng tersebut (Noria Tugang, 2014, hlm. 120).





1.7.15 Loseng

Benang loseng adalah benang yang memanjang pada tenunan atau dalam sudut menegak (DBP, 2010, hlm. 967). Ia adalah benang yang tersusun secara memanjang dari bahagian kepala '*tumpoh*' ke bahagian kaki '*tumpoh*'. Ia berfungsi untuk menghasilkan panjang ela kain '*pua*' tersebut (Noria Tugang, 2014, hlm. 120). '*Tumpoh*' bermaksud sejenis perkakas tenunan yang digunakan semasa menghasilkan tenunan (DBP, 1989, hlm. 402).

1.7.16 '*Sirat*'



'*Sirat*' adalah sejenis kain yang digunakan bagi menutup bahagian sulit lelaki. Ia juga disebut sebagai cawat (DBP, 1989, hlm. 330). Dahulu, masyarakat Iban menggunakan sejenis kulit kayu bagi membuat '*sirat*' tersebut. '*Sirat*' tersebut mempunyai ukuran 2.50m panjang dan 0.10m lebar. Ia dibelitkan pada bahagian aras pinggang bagi menutup bahagian depan dan belakang lelaki (Noria Tugang, 2014, hlm. 108). Selalunya kain panjang berwarna hitam digunakan untuk membuat '*sirat*' tersebut. Pada kedua-dua bahagian hujung kain tersebut akan dijahit dan digabungkan dengan tenunan. Ia bagi menghiasi dan mencantikan lagi '*sirat*' tersebut.

1.7.18 '*Ruai*'





DBP (1989, hlm. 284) menghuraikan '*ruai*' sebagai bahagian beranda di sepanjang rumah panjang yang tidak disekat dengan dinding kecuali di bahagian bilik dan '*tanju*' (tempat menyidai pakaian atau tempat menjemur padi). '*Ruai*' merupakan tempat berkumpul bagi masyarakat Iban sama ada dalam bermesyuarat, melakukan aktiviti-aktiviti, mengadakan perayaan atau upacara ritual dan kegiatan-kegiatan lain. Dalam konteks ini, '*ruai*' merupakan tempat bagi kaum wanita Iban membuat tenunan dan anyaman mereka. Bagi kaum lelaki Iban pula mereka membuat '*bubu*' (sejenis alat memerangkap ikan) dan jala di '*ruai*' tersebut.

1.7.19 Gawai

Gawai merujuk kepada satu pesta atau perayaan yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan masyarakat Iban mengikut nama dan tujuannya dijalankan (DBP, 1989, hlm. 90). Terdapat beberapa Gawai yang dijalankan seperti '*Gawai Antu*' (untuk menghormati roh si mati), '*Gawai Batu*' (upacara yang dilakukan sebelum menebas huma), '*Gawai Benih*' (upacara sebelum menanam tumbuhan), '*Gawai Burong*' (upacara bagi meraikan kepulangan kaum lelaki yang menyertai ekspidisi '*ngayau*' dan membawa balik kepala musuh) dan '*Gawai Mangkung Tiang*' (upacara bagi mendoakan kesejahteraan dan keselamatan penghuni di rumah panjang yang baru). Tun Jugah Foundation (1994, hlm. 79) mengatakan bahawa Gawai adalah satu upacara ritual yang berbentuk keagamaan di mana pesta dan perayaan dijalankan.

1.7.20 '*Miring*'





'Miring' adalah satu upacara yang mempersembahkan santapan atau sajian ('piring') kepada 'Petara' tertentu, Tun Jugah Foundation (1994, hlm. 157). Upacara 'miring' (berdoa) akan diadakan sebelum sesuatu perayaan diadakan bagi mendapat keberkatan daripada 'Petara' (dewa). Terdapat seorang 'lemambang' (penyair) yang akan mengetuai upacara 'biau' (sejenis upacara untuk menyampaikan doa) dan 'sampi' (doa) bagi mendapat keberkatan dan menghindar perkara-pekerja yang tidak diingini semasa majlis berlangsung. Apabila para wanita Iban sudah siap menghantar 'piring' dan sajian, maka ketua-ketua masyarakat Iban yang terlibat dengan upacara tersebut akan menyusun 'piring' tersebut mengikut urutan, sila rujuk gambar 16 di lampiran 8.

1.7.21 'Ngayau'



'Ngayau' adalah satu ekspedisi memburu kepala musuh untuk membalas dendam atau mempertahankan kawasan mereka. Tun Jugah Foundation (1994, hlm. 167) mengatakan bahawa ia adalah satu serbuan atau membuat serangan terhadap pihak lain atau musuh. Terdapat dua jenis 'kayau' (*membuat serbuan atau melancarkan serangan*) iaitu 'kayau anak' dan 'kayau indu'. 'Kayau anak' adalah serangan secara tiba-tiba dilakukan dan melibatkan dua buah pihak yang bertelingkah dalam jumlah yang kecil atau melibatkan dua belah pihak sahaja. 'Kayau indu' merupakan serangan atau peperangan akibat perselisihan faham atau perbalahan yang melibatkan banyak pihak.

1.7.22 'Petara'





'*Petara*' dalam pemahaman masyarakat Iban merujuk kepada para dewa yang menjaga mereka dalam kehidupan seharian. Menurut DBP (1989, hlm. 251) '*Petara*' adalah betara atau dewa (dewa agung). *Handy Reference Dictionary Of Iban and English* (1994, hlm. 211) yang diterbitkan oleh Tun Jugah Foundation mengatakan bahawa '*Petara*' adalah tuhan atau dewa yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban. Masyarakat Iban amat mempercayai kewujudan '*Petara*' dalam kehidupan mereka. Setiap kegiatan dan kelakuan mereka dipercayai mempunyai hubungkait dengan '*Petara*' tersebut.

1.7.24 '*Manang*'

Tun Jugah Foundation (1994, hlm. 144) mengatakan bahawa '*manang*' merujuk kepada seorang bomoh atau perantara bagi masyarakat Iban dengan roh atau alam ghaib. Seorang '*manang*' mempunyai kebolehan berinteraksi dengan roh di alam ghaib dan berupaya mencari semangat yang hilang dari tubuh tuannya. Manang dikatakan boleh mengetahui jenis penyakit yang pelik dan tidak boleh dilihat oleh mata kasar. Mereka dipercayai boleh mengubati penyakit tersebut. DBP (1989, hlm. 204) menjelaskan '*manang*' adalah pawang Iban yang lebih tinggi statusnya daripada seorang dukun kerana mereka dipercayai dapat mengubati dan memulihkan semangat si pesakit.

1.7.25 '*Lemambang*'

'*Lemambang*' adalah orang Iban yang mahir dalam menyanyikan mentera-mentera secara invokasi semasa sesuatu upacara ritual diadakan (Noria Tugang, 2014, hlm.





225). DBP (1989, hlm. 184) pula mendefinisikan '*lemambang*' sebagai seorang masyarakat Iban yang mahir dalam mengungkapkan kata-kata jampi seperti *mentera*, *nyanyian*, *adat istiadat*, *kepercayaan* dan lain-lain. '*Lemambang*' adalah seseorang yang mengetuai sesuatu upacara seperti '*bedara*' (upacara menjamu dan korban secara kecil-kecilan) dan *Gawai Kenyalang*.

1.7.26 '*Piring*'

'*Piring*' merupakan pinggan atau piring yang digunakan semasa persediaan dan persembahan semasa upacara '*miring*' diadakan (Tun Jugah Foundation, 1994, hlm. 213). DBP (1989, hlm. 253) menyatakan '*piring*' bermaksud piring atau hidangan (sajian) makanan untuk semangat dan dewa. '*Piring*' disediakan mengikut berapa besar sesuatu perayaan diadakan. Bagi upacara '*kedurang*' (upacara memberkati sesuatu atau sembahyang) hanya tiga '*piring*' disediakan. Semasa *Gawai Dayak*, lima atau tujuh '*piring*' disediakan. Bagi upacara yang lebih besar seperti '*Gawai kenyalang*', sembilan '*piring*' disediakan. Setiap persembahan atau sajian mestilah mengikut jumlah '*piring*' yang disediakan. Contoh sajian adalah '*rendai*' (padi pulut yang digoreng), '*tumpi*' (dibuat daripada tepung beras), pulut, telur, '*ai tuak*' (sejenis '*wine*' yang diperbuat menggunakan pulut), sirih, '*kapo*' (dibuat daripada cengkerang siput sedut dan dimasak serta ditumbuk dengan lumat), '*semakau*' (tembakau), '*sedi*' (sejenis daun), '*rokok apung*' (kertas rokok), pinang, nasi dan garam. Sajian yang dipersembahkan hendaklah sama dengan jumlah '*piring*' yang disediakan. Jika terdapat lima '*piring*', maka setiap sajian akan dihidangkan serba lima. Contohnya, lima pulut atau lima biji telur. Setiap sajian tersebut dihidangkan oleh kaum wanita Iban secara bergilir-gilir. Wanita pertama yang menghantar sajian tersebut mestilah mengikut umur. Orang pertama adalah yang paling tua kemudian diikuti oleh yang





kedua. Urutan tersebut hendaklah diikuti sehingga ke akhir barisan. Orang terakhir hendaklah wanita yang paling muda dalam kalangan mereka yang menghantar sajian tersebut. Mereka dikehendaki memakai '*ngepan*' (pakaian tradisional Iban bagi wanita) dan tidak boleh memotong giliran.

1.8 Rumusan

Selain latar belakang kajian dan definisi operasional, bab ini turut melihat kepada pernyataan masalah, objektif, soalan, kesignifikan dan batasan kajian. Pengkaji dapat mengenalpasti beberapa pernyataan masalah yang dirasakan menjadi faktor utama kewujudan tenunan pua sungkit tersebut. Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, pengkaji mengutarakan tiga objektif kajian yang dirasakan sesuai dengan tajuk kajian. Tiga objektif tersebut akan menjawab tiga soalan utama yang dirasakan dapat menjadi panduan semasa kaedah lapangan dijalankan. Dalam masa yang sama, pengkaji ingin melihat kesignifikan kajian dengan tajuk kajian. Sebagai menepati tajuk kajian, batasan kajian akan dijalankan di sepuluh buah rumah panjang di Batang Ai, Lubok Antu, Sarawak.

